

Lif usang di lima PPR, Perumahan Awam diganti



KOR MING (tiga dari kiri) ketika ditemui pada program penggantian lif PPR Seri Malaysia, Taman Desa Petaling semalam.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukkan sebanyak RM33.6 juta kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menggantikan dan menyelenggara lif di lima Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam tahun ini.

Menterinya, Nga Kor Ming berkata, peruntukan itu akan membantu kerja-kerja penggantian 56 unit lif di 19 blok rumah pangsa.

PPR dan Perumahan Awam yang terlibat ialah PPR Bukit Jalil, Perumahan Awam Desa Rejang, Perumahan Awam Seri Pangkor

1, Perumahan Awam Seri Pangkor 2 dan Perumahan Awam Seri Terengganu.

“Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan DBKL bermula tahun ini dan semuanya dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2024,” katanya pada Majlis Penyerahan Peruntukan Inisiatif Belanjawan Madani 2023: Penyelenggaraan lif di PPR Seri Malaysia, Taman Desa Petaling, di sini semalam.

Menurutnya, penyelenggaraan dan penggantian lif berkenaan dijangka memberi manfaat kepada 9,272 penduduk di kediaman tersebut.

Sementara itu, mengulas mengenai program berkenaan, Kor Ming memberitahu, penggantian enam unit lif di Blok A dan Blok B, PPR Seri Malaysia, di sini melibatkan kos RM3.28 juta.

“Peruntukan disalurkan DBKL. Penggantian lif tersebut merupakan keperluan yang ditunggu-tunggu penduduk memandangkan usia lif yang digunakan sudah menjangkau 19 tahun.

“Cuma apa yang kita harapkan ialah penduduk bekerjasama menjaga kebersihan, tiada vandalisme dilakukan supaya semua penduduk dapat gunakan lif dengan selesa,” katanya.